

**UCAPAN OLEH TUN DR MAHATHIR BIN MOHAMAD SEMPENA
MENERIMA IJAZAH KEHORMAT DOKTOR FALSAFAH PENGURUSAN
TEKNOLOGI MATKLUMAT DAN KOMUNIKASI PADA 10 NOVEMBER
2013 JAM 10.20 PAGI DI UNITEN**

“ICT : VISION & REFLECTION”

1. Saya ucapkan terima kasih kerana penghormatan yang diberi kepada saya dengan anugerah “Doktor Falsafah Pengurusan Teknologi Maklumat dan Komunikasi”. Saya amat menghargai anugerah ini kerana ia dikaitkan dengan satu bidang yang sedang berkembang dengan pantas di sekeliling kita.

2. Malaysia awal-awal lagi tertarik dengan potensi Information and Communication Technology dan memutus supaya negara membuat persediaan untuk mendapat manfaat dari teknologi ini. Keputusan ini menyebabkan kita berusaha memperkenalkan undang-undang dan dasar yang diperlukan, dan berdiri Multimedia Super Corridor. Tujuannya ialah supaya kaji selidik dan pembangunan teknologi ini tidak terganggu kerana urusan birokratik, halangan undang-undang lapok dan dasar serta pengawasan gerak-geri keluar masuk pakar yang terlibat dalam bidang ini. Kita ingin melihat ramai pakar-pakar dari dalam dan luar negeri berkumpul dalam koridor ini, berbincang dan bertukar-tukar fikiran berkenaan ICT dalam iklim yang selesa. Kita juga menyediakan makmal untuk kerja research dan development.

3. Sesungguhnya ramalan kita adalah tepat dan hari ini kita lihat sains teknologi maklumat telah berkembang dengan begitu pesat dan meluas sehingga sebuah bandaraya Cyberjaya terbangun dengan sendirinya dengan segala kemudahan IT dan Komunikasi disebabkan sambutan baik dari swasta. Ramai sudah negara-negara lain menjadikan koridor ini sebagai contoh pembangunan industri IT di negara mereka.

4. Untuk membantu pembangunan ini satu badan penasihat dari pakar-pakar terkenal luar dan dalam negara telah ditubuh. Dengan nasihat mereka kita dapat elak pembaziran dalam membuat persediaan serta menentukan dasar-dasar dan undang-undang zaman Internet sesuai untuk perkembangan teknologi ini.

5. Tetapi sebenarnya perkembangan dalam teknologi komunikasi dan maklumat lebih cepat dan luas daripada dijangka. Kita tidak sangka perkenalan world wide web atau www yang membolehkan maklumat yang tidak terhad di perolehi oleh sesiapa sahaja melalui komputer. Pada mulanya bahasa komputer diperlukan. Ini menyukarkan akses. Tetapi kemudian dicipta mouse (tetikus) yang hanya perlu ditunjuk dan dipetik untuk mendapat maklumat khusus dan tertentu dalam komputer.

6. Bill Gates mencipta Windows untuk mempermudah lagi akses. Ia diikuti oleh beberapa pakar yang mencipta berbagai jenis "search engines" seperti Yahoo, Google dan Wikipedia. Ada pula website sosial untuk sembang dengan kawan dan keluarga. Untuk keperluan media sosial bagi berita di luar media biasa, kemudahan blog dicipta supaya siapa sahaja boleh menyebarkan maklumat, pandangan dan pendapat tanpa ditapis oleh Kerajaan atau mana-mana pihak.

7. Facebook, twitter dan whatsapp menambah lagi peluang untuk bersembang, berbahas dan mendapat maklumat dari keluarga dan kawan di mana sahaja mereka berada. Skype membolehkan perhubungan suara dan gambar antara pengguna tanpa bayaran.

8. Sesungguhnya ICT membekal pengguna dengan apa sahaja jenis komunikasi dan maklumat sehingga masyarakat manusia diserang oleh terlalu banyak maklumat yang memening kepala. Malangnya terdapat juga ramai pengguna ICT yang menyalahguna kemudahan-kemudahan ini.

9. Jika dahulu akhbar dan majalah boleh disekat kemasukan ke dalam negara atau ditapis, Internet dan website sukar ditapis. Dengan itu ada yang menyebarkan fitnah dan berita palsu serta bahan lucah melalui Internet. Kanak-kanak kecil dan belia belasan tahun yang dahulu tidak berpeluang melihat gambar dan video lucah sekarang ini dapat melihatnya tanpa dikawal oleh sesiapa. Tidak dapat dinafikan bahawa akses kepada bahan lucah ini menyumbang kepada perlakuan berbagai jenis jenayah yang dahulu tidak berlaku. Kebanyakan dari gambar dan video yang disebar bertajuk keganasan yang keterlaluan. Sekali lagi ia mempengaruhi perbuatan-perbuatan jenayah ganas yang dahulu tidak pernah dilakukan.

10. Kita telah janji tidak akan menapis Internet. Janji itu dibuat semasa Internet belum berkembang luas. Tetapi hari ini kita dapati media social ini mudah disalahguna dan menyumbang kepada bertambahnya jenayah termasuk yang melibatkan rogol dan membunuh. Ada yang belajar dari Internet cara-cara melakukan aneka jenis jenayah.

11. Moral masyarakat terutama dikalangan yang muda sudah terhakis dan runtuh. Kestabilan dan sekuriti negara pun terancam.

12. Oleh itu saya berpendapat masa sudah tiba untuk isi kandungan Internet ditapis. Mungkin ini tidak secukup dengan konsep kebebasan dan hak asasi manusia. Tetapi kebebasan yang tidak terhad tetap akan merosakan masyarakat. Sebenarnya negara-negara maju pun sudah mula diancam oleh kebebasan ini. Segala rahsia Kerajaan, termasuk dalam urusan pertahanan negara dan ketenteraan telah dibocorkan. Walaupun pendedahan ini diterima baik oleh pihak tertentu, tetapi ia juga mengerohkan politik dalaman dan hubungan antara negara menjadi tegang. Ini menyekat kegunaan komputer untuk menyimpan maklumat yang terlalu banyak untuk disimpan dalam bentuk hard copy.

13. ICT juga diguna dengan meluas untuk mengintip terutamanya oleh Kerajaan keatas rakyat. Hak kebebasan dan hak asasi rakyat tidak lagi terjamin.

14. ICT bukan sahaja berguna dalam bidang komunikasi tetapi ia juga boleh mempertingkatkan penguasaan alat dari jarak jauh. Kegunaan robot untuk melakukan kerja tertentu dan otomation dalam kilang dibolehkan oleh ICT. Sudah pun ada kilang yang tidak perlu pekerja atau diawasi oleh manusia. Setelah diprogram kilang dapat menjalan kerja mengeluarkan barangan yang kompleks setelah disuap dengan bahan mentah, parts dan komponen.

15. Sesungguhnya apa sahaja yang difikir oleh manusia boleh diprogram dan dilaksana melalui kemudahan ICT. Kereta boleh berjalan di jalan raya tanpa pemandu. Demikian juga pesawat boleh diterbangkan tanpa pemandu kemana-mana dan mendarat dengan sedirinya mengikut program.

16. Tetapi tiap kali sesuatu dicipta maka datanglah pertanyaan samada boleh diguna untuk membunuh manusia dalam peperangan bahkan semasa aman pun. Maka para saintis pun ditugas untuk menyelidik kemudahan-kemudahan yang dicipta ini supaya dijadikan senjata yang canggih yang boleh membunuh, tanpa pembunuh terdedah kepada serang balas.

17. Dari pesawat kecil yang dicipta sebagai permainan, hari ini kita melihat UAV atau Unmanned Aerial Vehicle yang boleh diterbang ke sasaran tertentu dengan menguna radio-waves supaya melepaskan roket atau bom bagi membunuh individu tertentu. Malangnya letupan roket atau bom tak dapat tidak akan membunuh orang lain yang tidak berdosa yang ada berdekatan.

18. Hari ini kita sedang dengar berkenaan pesawat pejuang dan pengebom tanpa pemandu yang boleh diarah dari jarak jauh – sejauh 3000 batu untuk menggugur bom atau menembak roket keatas musuh. Jika musuh pula memiliki UAV yang sama maka akan diperlihatkan “dog fight” antara dua pesawat yang tidak mempunyai manusia yang memandu. Ini memang baik kerana tiada siapa dari pemandu pesawat yang akan terbunuh. Tetapi pesawat yang ditembak jatuh akan memusnah bangunan dan membunuh orang ramai. Ini perlu diterima oleh kita kerana yang terbunuh ini sudah dikategorikan sebagai “collateral”.

19. Dengan semua kebolehan ICT dan hasil kemudahan-kemudahan darinya, apa lagi yang akan kita lihat yang berasas kepada ICT. Kita sebenarnya tidak dapat teka. Minda manusia begitu subur sehingga apa yang dianggap mustahil hari ini akan menjadi kenyataan di hari esok dan seterusnya.

20. Malangnya semasa kita begitu cekap membunuh, kini kita masih tidak dapat menguasai cuaca. Kita lihat ribut taufan dan banjir yang menenggelamkan bandaraya New York, puting beliung yang menghancurkan ribuan rumah kediaman dengan kematian yang ramai, tsunami, atmosfera

yang semakin hangat, ribut salji yang menjatuhkan suhu sehingga kematian orang tua dan pesakit dan bermacam lagi.

21. Salji dibenua Artik dan Antartika sedang mencair. Adalah dipercayai jika salji terus cair secepat sekarang, maka pulau-pulau kecil tidak lama lagi akan tenggelam dan bandar-bandar di pinggir laut akan dihapuskan. Manusia perlu lari ke kawasan pergunungan dan bekalan makanan dari ternakan dan tanaman akan berkurangan.

22. Dengan jumlah penduduk dunia dalam jangkamasa setengah sehingga satu abad lagi, akan meningkat kepada 9 billion dari 7 billion sekarang, apakah ICT boleh memainkan peranan untuk mengurangkan kesan malapetaka yang akan menimpa manusia.

23. Malangnya masyarakat yang kaya dan terpelajar dalam bidang sains, termasuk ICT tidak berminat untuk menyelamatkan masyarakat manusia. Wang, masa dan tenaga para saintis diguna untuk mencipta cara-cara membunuh manusia. Inilah keutamaan kuasa-kuasa besar di dunia.

24. Sebaliknya jika tumpuan diberi kepada kegunaan ICT untuk iklim dunia, tidak dapat tidak sedikit sebanyak dari malapetaka yang dipercayai akan menimpa dunia ini dapat diredakan. Sekurang-kurangnya kita dapat maklumat lebih awal berkenaan ribut taufan, tsunami, gerak gempa dan letupan gunung berapi, banjir besar yang akan melanda ditempat-tempat tertentu di dunia. Maka daptlah kita menyelamatkan kita dan akan kuranglah nyawa yang akan terkorban.

25. ICT adalah senjata yang boleh menyelamatkan. Tetapi ditangan manusia yang bengis ia boleh meningkatkan lagi keganasan manusia. Terpulanglah kepada kita membuat pilihan.
